

MAHATHIR - TEMURAMAH
(I)

OLEH IDZAN ISMAIL
1984

KUALA LUMPUR, 22 MEL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI O R .
MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM BERSETUJU DITEMURAMAH OLEH BERNAMA MENJELANG
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MINGGU INI. BERIKUT ADALAH TEMURAMAH TERSEBUT:

SOALAN: TERLALU RAMAI TOKOH UMNO BERTANDING UNTUK PELBAGAI JAWATAN
PARTI KALI INI. 178 ORANG BERTANDING UNTUK 33 JAWATAN. APAKAH
PENDAPAT DATUK INI BERLAKU?

PM: SIKAP ORANG BERUBAH, DAN HARI INI ORANG MELIHAT PENGHORMATAN
DANKUASA YANG DAPAT DIPEROLEHI DENGAN MEMENANGI KERUSI DALAM BADAN
PENGGUBALAN DASAR UMNO. LA BUKAN OASAR SAHAJA TETAPI FAEDAH-FAEDAH
SAMPINGAN JUGA. ORANG MENGANGGAP SESUATU JAWATAN ITU SEBAGAI PELUANG
UNTUK BERKHIDMAT DAN MEMBANTU MENGGUBAL DASAR YANG AKAN MEMANFAATKAN
ORANG MELAYU KHASNYA DAN NEGARA AMNYA. TETAPI, MEREKA JUGA
MENGINGINKAN PENGHORMATAN O A N PELUANG YANG DATANG BERSAMA JAWATAN
ITU. KITA MEMPUNYAI KUMPULAN ORANG YANG BERBAGAI-BAGAI
SETENGAH-SETENGAHNYA INGIN BERKHIDMAT O A N YANG LAINNYA MAHU
MENDAPATKAN PELUANG.

SOALAN: TEROAPAT BEBERAPA ORANG YANG MASANYA SUDAH BERLALU, MEREKA
YANG TIDAK MEMPUNYAI SOKONGAN CAWANGAN-CAWANGAN DAN A D A PULA YANG
LANGSUNG TIDAK DIKENALI YANG TURUT MENYERTAP PERPANOLNGAN. ADAKAH
DATUK BERSETUJU MEREKA INI TIDAK SEPATUTNYA BERTANDING? -- LAGI
0803/MK

PM: MEMANG ADA ORANG YANG J&LAS TIDAK AKAN MENANG TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK BERTANDING ATAS SEBAB YANG HANYA MEREKA SENDIRI T A H U . SAYA FIKIR INI TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU. TETAPI, MEMANG LAH ORANG EMPUNYA IPENDAPAT BERLAINAN MENGENAI APA YANG SEPATUTNYA.

SOALAN: SIKAP INGIN BERTANDING INI TERPESONG DARIPADA ZAMAN DULU. SEPERTI YANG DATUK PERNAH SEBUT, PADA ZAMAN SELEPAS MERDEKA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TERPAKSA DIPUJUK SUPAYA BERTANDING. TETAPI, SEKARANG, ADA YANG MENAWARKAN DIRI SEBAGAI CALON. APAKAH SEBAB PERUBAHAN INI?

PM: DULU, MASYARAKAT MEMANG SEGAN. BAHAWA MEREKA TELAH MENGATASI SIKAP SEGAN ITU ADALAH PERKARA YANG BAIK. TETAPI, JIKA LANGSUNG TIDAK SEGAN, SEPERTI PERKARA-PERKARA LAIN YANG KETERLALUAN, ADA BURUKNYA. ANDA BOLEH MELIHAT PERKARA-PERKARA LAIN YANG KETERLALUAN, ADA BURUKNYA. ANDA BOLEH MELIHAT PERKARA INI BERLAKU DALAM MASYARAKAT YANG ORANG TIDAK SEGAN MEMAKAI FESYEN YANG GANJIL DI KHALAYAK RAMAI KERANA INILAH NILAI YANG DITERIMA SEKARANG. DIMASALAHU, SIKAP ATAU TINGKAHLAKU YANG BERLAINAN TIDAK DIALU-ALUKAN, TETAPI SEKARANG BOLEH DITERIMA. FENOMENA INI JUGA BERLAKU DALAM POLITIK DIMANA SETENGAH-SETENGAH ORANG MENONJOLKAN DIRINYA.

SOALAN: DATUK PERNAH BERKATA PEMIMPIN PELAPIS HARUS DIBERI PELUANG MEMBUKTIKAN DAYA KEPIMPINAN MEREKA. TETAPI, BUKANKAH SETENGAH-SETENGAH MEREKA TERLALU TINGGI CITA-CITA MEREKA UNTUK MELANGKAH NAIK TANGGA POLITIK, MALAH TERLALU CEPAT DAN TERLALU AWAL?

PM: APABILA NASIHAT DIBERI SUPAYA MEMBUAT PERSEDIAAN, MUNGKIN ADA YANG RASA NASIHAT ITU DITUJUKAN KEPADA MEREKA DAN QLEH DEMIKIAN MEREKA MAHU MEMBUAT PERSEDIAAN YANG PERLU. KEMUNGKINAN NASIHAT ITU TIDAK DITUJUKAN KEPADA MEREKA TIDAKLAH PENTING, KERANA PADA PENDAPAT MEREKA ITU, MEREKA HARUS BERSIAP SEDIA.

SOALAN: SAYA DIFAHAMKAN KENYATAAN DATUK MENGENAI PERKARA INI TIDAK DITERIMA SALK OLEH VETERAN UMNO. MEREKA RASA MEREKA DIKETEPIKAN DAN MALAHAN, GOLONGAN MUDA DALAM USAHA MEREKA MENGEJAR JAWATAN TINGGI TELAH MENGGANGGU PERASAAN VETERAN--VETERAN INI?

PM: ITU KURANG TEPAT. SAYA RASA SETENGAH-SETENGAH VETERAN ITU BERPENDAPAT BANYAK FALSAHNYA MENYEDIAKAN ORANG DAN MEMANG ADA YANG TIDAK BERSETUJU. SAYA SENDIRI HARUS DIANGGAP SEBAGAI DARIPADA KALANGAN VETERAN KERANA UMUR SAYA DAN TEMPON PERKHIDMATAN DENGAN PARTI, TETAPI SAYA RASA SAMA ADA SESEORANG ITU BARU ATAU LAMA, SOALNYA IALAH SAMA ADA PARTI MASIH MENERIMANYA. JIKA PARTI TIDAK MENERXMANYA LAGI, MEREKA MENUNJUKKAN TANDA. DAN SAYA RASA TIDAKLAH BAIK JIKA TANDA-TANDA ITU TIDAK DIENDAHKAN. JELASLAH JIKA MEREKA TIDAK MEMBERSUNDI KEPADANYA, MEREKA BERPENDAPAT IATIDAK SESUAI LAGI. SAYA MENERIMA HAKIKAT INI. SAYA TELAH BANYAK KALI BERKATA JIKA SAYA RASA ATAU MENAMPAK TANDA BAHAWA SAYA TIDAK LAGI DIPERLUKAN, SAYA TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGUNDURKAN DIRI.

SOALAN: DATUK PERNAH MENJELASKAN BAHAWA DATWK MAHU TRADISI UMNO DIPERTAHANKAN. PENDEKNYA, DATUK MAHU SEMUA BAKAL CALON SUPAYA MENUNGGU GILIRAN MASING-MASING. TETAPI, NAMPAKNYA ADA YANG TIDAK

MAHATHIR-TERMURAH 4 KUALA LUMPUR

PM: MEMANGLAH APABILA KITA MENGELUARKAN NASIHAT, TIDAK SEMUA ORANG AKAN MEMATHUINYA. TETAPI, JIKA KITA TIDAK MEMBERI NASIHAT, BERMAKNA KITA CUAJ MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEMIMPIN.

SOALAN: PERTANDINGAN UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN KHASNYA TAHUN INI TIDAK PERNAH BERLAKU DALAM SEJARAH UMNO. BAGAIMANAKAH DATUK MEMANDANG PERTANDINGAN TIGA PENJURU INI?

PM: SAYA TELAH MENYATAKAN PERASAAN SAYA DENGAN JELASNYA BANYAK KALI. SAYA TIDAK NAMPAK PERLU MENGULANGINYA.

SOALAN: DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG LALU, DATUK MENYEBUT BAHAWA DATUK SENANG BEKERJA DENGAN DATUK MUSA. ADAKAH INI BERMAKNA SEKIRANYA ORANG LAIN TERPILIH SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN, ADALAH SUKAR BAGI DATUK BEKERJA DENGANNYA?

PM: TUNKU ABDUL RAHMAN PERNAH BERKATA LEBIH BAIK BEKERJA DENGAN ORANG JAHAT YANG KITA KENAL DARIPADA DENGAN ORANG BAIK YANG KITA TIDAK KENAL (IT'S BETTER TO WORK WITH THE DEVIL YOU KNOW THAN THE ANGEL THAT YOU DON'T KNOW - ASAL).

SOALAN: DATUK HARUN TELAH MENEMUI DATUK SEBELUM MENGUMUMKAN PENCALONANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN. ADAKAH TENGGU RAZALEIGH JUGA MEMINTA NASIHAT DATUK SEBELUM BERBUAT DEMIKIAN?

PM: TIDAK, SEJAUH YANG SAYA INGAT BELIAU TIDAK BERUNDING DENGAN SAYA. --LAGI 0814/SA
ICZC B506

MAHATHIR-TERMURAH 5 KUALA LUMPUR

SOALAN: RAMAI ANGGOTA UMNO BERPENDAPAT TIDAKLAH ADIL MEMINTA MEREKA MEMBUAT PILIHAN ANTARA DATUK MUSA DAN TENGGU RAZALEIGH KERANA KEDUA-DUA MERUPAKAN PEMIMPIN BERKEBOLEHAN YANG AMAT DIPERLUKAN. OLEH UMNO. MEMANDANGKAN HGNYA SATU JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, MEREKA BERPENDAPAT TENGGU RAZALEIGH SEHARUSNYA BERTANDING UNTUK JAWATAN NAIB PRESIDEN SWPAYA BELIAU BOLEH TERUS MENYUMBANG KEPADA PARTI. ADAKAH DATUK BERSSETUJU?

PM: MUNGKIN ITU SATU JALAN KELUAR. TETAPI, MEMANDANGKAN BELIAU TIDAK BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN, ITU TIDAK LAGI BOLEH DIJADIKAN PENYELESAIAN.

SOALAN: ADAKAH DATUK SENDIRI BERPENDAPAT TENGGU RAZALEIGH SEHARUSNYA BERTANDING MEREBUT JAWATAN NAIB PRESIDEN?

PM: ADALAH JELAS SETELAH APA YANG DILAKUKAN SELEPAS PEMILIHAN LALU UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, KITA BOLEH Mencari tempat untuk dua orang tetapi bukanlah dalam kerusi yang sara.

SOALAN: DATUK HARUN YELAH BERKATA SEBAB BELIAU BERTANDING IALAH UNTUK MENYATUPADUKAN ANGGOTA UMNO YANG MENURUTNYA KINI BERPECAH BERIKUTAN PERTANDINGAN MUSA-RAZALEIGH DALAM TAHUN 1981. ADAKAH DATUK MENERIMA KATA-KATA BELIAU ITU? --LAGI 0820/SA

MAHATHIR - TEMURAMAH 6 KUALA LUMPUR

PM: ADA JUGA BENARNYA. TETAPI HUJAH-HUJAH LAIN YANG DIKEMUKAKAN TIDAK DAPAT DITERIMA ATAU MALAH IA SAMAR-SAMAR DARIPADA APA YANG DIKATAKAN SEMULANYA.

SOALAN: APAKAH DATUK PIKIR DATUK HARUN PUNYA ALASANYANG WAJAR UNTUK BERTANDING BERDASARKAN KEPADA SEBAB-SEBAB YANG DIKATAKAN. KITA TERPAKSA AKUI SIAPAPUN YANG BERTANDING, SAMADA TENGGU RAZALEIGH ATAU DATUK MUSA SUDAH PASTI MEMBAHAGIKAN PARTI.

PM: YA SAYA KIRA ADA KEWAJARAN DALAM APA YANG DIKATAKANNYA KALAU ITU MERUPAKAN ALASAN SATU-SATUNYA. SELAIN ITU KITA TIDAK DAPAT LUPAKAN BAHAWA BELIAU JUGA BERTANDING KERANA IA TIDAK PUAS HATI DENGAN KEPEMIMPINAN SEKARANG. JADI BUKAN ITU SAJA YANG MEMBUAT BELIAU MEMUTUSKAN UNTUK BERTANDING.

SOALAN: SAYA TELAH MELIPUTI UCAPAN-UCAPAN DATUK KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT-MESYUARAT PERWAKILAN UMNO KEBELAKANGAN INI YANG DATUK BERULANGKALI BERKATA BAHAWA STATUS QUO, SEKARANG PATUT DIPERTAHAN SECUALI MEREKA YANG BERTANDING DAPAT MEMBERIKAN ALTERLATIF KEPEMIMPINAN YANG LEBIH BAIK DAN BERKESAN. INI MEMBAYANGKAN BAHAWA DATUK MAHU KEPEMIMPINAN SEKARANG DIPILIH SEMULA.

PM: TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT MENTAKRIF APA YANG SAYA KATA. KALAU SAYA MAHU LEBIH JELAS SAYA AKAN BERCAKAP DENGAN JELAS. TETAPI SAYA LEBIH GEMAR BERCAKAP CARA DEMIKIAN. IA TERPULANG KEPADA RAKYAT UNTUK MEMBUAT TAKRIF MEREKA SENDIRI. -- LAGI 0820/MK

MAHATHIR - TEMURAMAH 7 KUALA LUMPUR

SOALAN: PARA PENGKRITIK DATUK BERPENDAPAT DENGAN MEMBUAT KENYATAAN SEDEMIKIAN, DATUK MENYEBELAHI SATU PIHAK YANG TIDAK PATUT DATUK LAKUKAN SEBAGAI PRESIDEN UMNO. MEREKA BERPENDAPAT DATUK TELAH MENGISYTIHARKAN PEMENANG SEBELUM PERTANDINGAN BERMULA LAGI.

PM: TIDAK, SAYA SENTIASA MENYATAKAN DENGAN JELAS. JIKA PEMENANG DALAM PEMILIHAN UMNO TAHUN 1981 ORANG LAIN, SAYA JUGA MENYATAKAN PERKARA YANG SAMA.

SOALAN: MEREKA JUGA BERPENDAPAT DATUK HARUS MEMBENARKAN SETIAP ORANG BERTANDING KERANA SEPERTI YANG DIKATAKAN OLEH SEORANG PEMIMPIN UMNO, UMNO TIDAK MENJADI HAK ISTIMEWA SESIAPAPUN.

PM: MEMANG NYATA UMNO MENJADI MILIK SEMUA ORANG TETAPI SEBALIKNYA TIDAK SESIAPAPUN BERHAK MEMUSNAHKAN UMNO DISEBABKAN KEPENTINGAN PERIBADI.

SOALAN: MENGAPA TRADISI UMNO PERLU DIPERTAHANKAN, SEDANGKAN ZAMAN BERUBAH? ADAKAH INI BERMaksud DATUK KHUATIRI MASA DEPAN UMNO, LEBIH-LEBIH LAGI MEMANDANGKAN PERGOLAKAN SEKARANG, APABILA DATUK MENGUNDUR DIRI?

PM: INI KERANA CARA TRADISI MENGENDALIKAN HAL TELAH MENYEBABKAN KEKUATAN YANG ADA PADA UMNO HARI INI. KITA TIDAK BOLEH MENEPEKIPKAN TRADISI HANYA KERANA IA TRADISI LAMA. TRADISI LAMA YANG BERFAEDAH HARUS DIKEKALKAN. -- LAGI 0824/MK

MAHATHIR - TEMURAMAH 8 KUALA LUMPUR

SOALAN: VETERAN-VETERAN TERMASUK DATUK HARUN MENDAKWA DATUK TIDAK MERUJUK KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO SEBELUM MENGUMUMKAN SEBARANG DASAR. ADAKAH INI BENAR?

PM: TENTU TIDAK BENAR. JIKA SAYA TIDAK MERUJUK KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO, INI KERANA BEGINILAH CARANYA SELAMA INI DENGAN SEMUA PRESIDEN UMNO YANG LALU.

SOALAN: DATUK HARUN JUGA BERKATA KALAU BELIAU MEMENANGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN PUN, BELIAU TIDAK MAHU MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI. ADAKAH DATUK MENYOKONG IDEA YANG MEMISAHKAN KUASA ANTARA PARTI DENGAN KERAJAAN?

PM: MUDAH HENDAK DIKATA TETAPI SUSAH DILAKSANAKAN. KITA TELAH DILIHAT BAGAIMANA SEKURANG-KURANGNYA SEBUAH KERAJAAN DI ASIA TENGGARA TELAH MENCUEA PEMISAHAN ANTARA PRESIDEN DENGAN KONGRES SEBAGAI CONTOH. DAN OLEH KERANA IA GAGAL, SELURUH SISTEM TERPAKSA DITUKAR KEPADA PEMERINTAH KUKU BESI UNTUK MEMUJUDKAN KERAJAAN BERKESAN. ADALAH PENTING KERAJAAN DAPAT BERJALAN DENGAN BERKESAN. UNTUK BERKESAN, PARTI UTAMA TIDAK BOLEH DIPISAHKAN DARIPADA KUASA KERAJAAN.
-- LAGI 0827/MK

MAHATHIR - TEMURAMAH 9 KUALA LUMPUR

SOALAN: DATUK MASIH EER PENDAPAT TIMBALAN PRESIDEN UMNO HARUS JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI?

PM: SAYA PERCAYA INI ADALAH CARA YANG BAIK. IA TIDAK MENJADI MASALAH KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN YANG LALU. IA TIDAK MENJADI MASALAH KEPADA KERAJAAN SEKARANG. OLEH DEMIKIAN, SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA IA HARUS DITUKAR.

SOALAN: MEMANDANGKAN BILANGAN JAWATAN TERLALU KECIL TERUTAMA DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO, ADA CADANGAN DIBUAT SUPAYA PERLEMBAGAAN PARTI DIPINDA UNTUK MENAMPUNG LEBIH RAMAI PEMIMPIN. ADAKAH DATUK MENJANGKA INI AKAN BERLAKU?

PM: SAYA TIDAK MEMPUNYAI PANDANGAN TEGAS DALAM HAL INI. SAYA MENYERAHKAN MYA KEPADA UMNO UNTUK DIPUTUSKAN. TETAPI, JIKA KITA MENGADAKAN LEBIH BANYAK JAWATAN, TIDAK SEMUA PIHAK AKAN PUAS MATA. SEPERTI YANG SAYA PERNAH KATAKAN, JIKA KITA MEMPUNYAI SATU LESEN LORI SAHAJA YANG HENDAK DIKELUARKAN, AKAN TERDAPAT 10 PEMOHON. SEBALIKNYA, JIKA KITA MENGELUARKAN 10 LESEN, AKAN TERDAPAT 100 PEMOHON PULA. JADI SENTIASA ADA 90 PERATUS YANG TIDAK PUAS HATI.

SOALAN: SEORANG LAGI PEMIMPIN MENCADANGKAN SUPAYA UMNO MENGENAKAN SYARAT-SYARAT TERTENTU SEPERTI SESEORANG ITU HENDAKLAH SUDAH MEMIMPIN CAWANGAN UMNO UNTUK BEBERAPA TAHUN, MEMBUKTIKAN DAYA KEPIMPINANNYA DAN MENDAPAT KEPERCAYAAN PARTI SEBELUM BOLEH BERTANDING MEREBUT JAWATAN-JAWATAN KANAN UMNO. -- LAGI 0831/MK

MAHATHIR-TEMURAMAH 10 KUALA LUMPUR

PM: ADA BAIKNYA CADANGAN ITU. KITA MAHU ORANG YANG +COMMITTED+ DAN DITAPIS SEBELUM MEMILIHNYA MENJADI PEMIMPIN. KALAU TIDAK, PEMIMPIN ITU KAKAN MENGUBAH PARTI SAMA SEKALI. DAN INI TELAH BERLAKU KEPADA BEBERAPA PARTI YANG LAIN DAN BOLEH BERLAKU KEPADA UMNO.

SOALAN: ARAHALIRAN BARU MULA MUNCUL DALAM POLITIK UMNO SEKARANG. DISAMPING MENGGUNAKAN WANG UNTUK MENDAPATKAN KEDUDUKAN, RAMAI YANG TELAH MENGANJURKAN PERHIMPUNAN YANG IKRAR DIBUAT BAHAWA PERWAKILAN Negeri ITU AKAN MENGUNDI CALON TERTENTU. BUKANKAH INI BERMaksud PENGUNDIAN BLOK?

PM: MUNGKIN, TETAPI IKRAR UNDI ITU TIDAKLAH BEGITU BESAR MAKNANYA KERANA MEREKA AKAN MENGUNDI SECARA PERSEORANGAN. ORANG BOLEH MEMBUAT IKRAR TERBUKA TETAPI DALAM HATI MEREKA SEBENARNYA TIDAK TERIKAT.

SOALAN: TETAPI, DENGAN ORANG YANG MELAWAT DARI NEGERI KE NEGERI UNTUK MENEMUI PARA PERWAKILAN, TIDAKKAH CORAK PENGUNDIAN AKAN DIPENGARUHI?

PM: ADA SETENGAH-SETENGAH CALON YANG OLEH KERANA SIFAT TUGAS MEREKA TIDAK TERDEDAH KEPADA SELURUH NEGARA. . . MEREKA TERBATAS KEPADA NEGERI MEREKA SENDIRI. ORANG SEPERTI INI BIASANYA TERHAD. BAGI MEREKA INI, MUNGKIN KITA PERLU MEMPERKENALKAN MEREKA KEPADA SELURUH NEGARA. SAYA JUGA BERASA ADA BAIKNYA JIKA DIADAKAN PERHIMPUNAN YANG SEMUA CALON, DARI KUMPULAN ATAU PEMIKIRAN BERLAINAN, DIPERKENALKAN CUMA SEBAGAI CALON. --LAGI 0835/SA

TETAPI, PERHIMPUNAN YANG TERBATAS KEPADA GOLONGAN ATAU PERSEORANGAN TERTENTU SAHAJA TIDAK HARUS BERLAKU. BEGITU J W G A JIKA SESEORANG CALON ITU TIDAK MEMBENARKAN CALON LAIN MENGUNJUNGI NEGERINTA DAN MENGGUNAKAN TAKTIK MEMAKSA.

SOALAN: ADAKAH TAKTIK-TAKTIK MEMAKSA ITU BERLAKU?

PM: SEBAGAI CONTOH, JIKA ADA NEGERI YANG TIDAK BERANI MENYUARAKAN SOKONGAN KEPADA ORANG LAIN KECUALI ORANG-ORANG TERTENTU, ITU TIDAK BAIK. MEREKA HARUS BEBAS MENYUARAKAN PERASAAN MEREKA.

SOALAN: KEMPEN PEMILIHAN TAHUN INI LEBIH HEBAT DARIPADA YANG SUDAH DENGAN PENGEORAN PITAVIDEO, KADNAMA, BUKU, RISALAH DI SAMPING PUBLISITI DALAM AKHBAR.

PM: SAYA FIKIR INI ADALAH ARAHALIRAN YANG KURANG BAIK. INI AKAN MENGAKIBATKAN PENYALAHGUNAAN KUASA, PENYELEWENGAN WANG DAN SATU HARI NANTI KITA AKAN DAPATI APA YANG BERLAKU SEKARANG AMAT REMEH SEKALI. JIKA ARAHALIRAN INI TIDAK DISEKAT, KEPAHITAN YANG TIMBUL DARIPADA PERSAINGAN SUDAH TENTU AEAN MEMUSNAHKAN PARTI. ARAHALIRAN INI TIDAK SLHAT.

SOALAN: MENGENAI STRATEGI KEMPEN MENERUSI PENGAMJURAN PERHIMPUNAN... RAMAI ANGGOTA UMNO BERPENDAPAT MEREKA YANG BERGUNA KEPADA UMNO TETAPI TIDAK MEMIHAT MANA-MANA GOLONGAN T E N T U AKAN *di Singkirkan* MEREKA YANG BERGUNA KEPADA UMNO TIDAK PERLU MENGIKLAN.

PRESTASI MEREKA SENDIRI, SAYA RASA AKAN MENONJOLKAN MEREKA. SAYA TIDAK SUKALAH MENJADIKAN DIRI SAYA SEBAGAI CONTOH. DALAM TAHUN 1964 KE 1969 LAMA DULU SEMASA SAYA MENJADI ANGGOTA PARLIMEN BIASA TANPA SEBARANG KUASA APAPUN, SAYA MENANG DENGAN MENDAPAT UNDITERBANYAK DALAM TAHUN 1969 BUKANLAH KERANA SAYA KELUAR BERKEMPEN ATAU BERBUAT SESUATU. CUMA KERANA RAKYAT NAMPAK APA YANG SAYA KATA DAN APA YANG SAYA TELAH BURT. SAYA TIADA PENGARUHI SURAT-SURAT KHABAR DI MASA ITU. TETAP J L K A KITA BERKATA SESUATU YANG BERNILAI UNTUK DITERBITKAN, SAYA KIRA MEREKA AKAN CETAK. LYU SUDAH CUKUP. SUMGGUHPUN SAYA TIDAK PERNAH MEMBUKA SEBARANG CAWANGAN UMNO, TIDAK PERNAH DIPERKENALKAN DI MANA-MANA NEGERI, SAYA CUMALAH DARI KEDAH, SAYA BOLEH MENANG D E N G A N UNDI YANG BESAR. SAYA RASA POKOKNYA JIKA KITA BERKHIDMAT DENGAN BAIK KEPADA NEGARA, KITA BERKHIDMAT D E N G A N BAIK KEPADA UMNO, KITA AKAN DIKENALI. KECUALI ILAH BAGI ORANG-ORANG YANG KERANA KEDUDUKAN MEREKA MUNGKIN TERTUMPU KEPADA NEGERINYA. ITULAH SEBABNYA SAYA KATAKAN ADALAH BERFAEDAH UNTUK MENSEIMBANGKAN BAGI SESEORANG UNTUK DIPERKENALKAN. PADA MASA LALU SEMASA TIDAK A D A PENGENALAN KAMI MASIH DAPAT MELANTIK BOLEHLAH DIKATAKAN ORANG-ORANG YANG BAIK UNTUK MENGENDALIKAN PARTI.

SOALAN: TETAPI ADA SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN UMNO YANG MENDAKWA BAHAWA MEREKA TIDAK DAPAT MENGGUNAKAN MEDIA KERANA APA YANG MEREKA KATA DISENYAPKAN OLEH AKHBAR.

PM: TIDAK SAYA TIDAK FIKIR BEGITU. SAYA NAMPAK N A M A SEMUA ORANG DALAM AKHBAR, KALAU KITA CAKAP SESUATU YANG BAIK, KITA BUAT SESUATU YANG BAIK, SAYA R A S A TIADA SESIAPA BOLEH MENAHAN SEORANG YANG *Betul, Baik.*

MAHATHIR - TEMURAMAH 13 KUALA LUMPUR

SOALAN: DATUK, SETENGAH-SETENGAH CALON MEMBUAT MANIFESTO MEREKA SENDIRI DALAM PEMILIHAN YANG AKAN DATANG INI. INI SEOLAH-OLAH SEPERTI PILIHANRAYA SEBENAR DAN BUKAN PROSES DALAMAN PARTI POLITIK.

PM: (KETAWA) YA, SAYA TAK TAHU BAGAIMANA SESEORANG BOLEH MEMPUNYAI MANIFESTONYA DALAM PARTI INI KERANA PARTI ITU SENDIRI SUDAH ADA SATU MANIFESTO. MELAINKAN JIKA KITA HENDAK TUKAR PARTI DAN TENTULAH JIKA SEMUA AHLI MERASSAKAN BAHAWA KITA PATUT TUKAR PARTI, MASA ITU TENTULAH KITA PERLU ADA MANIFESTO DAN TENTULAH TIMBUL KEKECOKHAN BESAR.

SOALAN: DATUK, KITA TELAH BERADA DALAM PARTI UMNO UNTUK BERTAHUN-TAHUN LAMANYA. SAYA PERCAYA DATUK SEDAR TENTANG PERUBAHAN YANG BESAR DI DALAM CARA BERKEMPEN.

PM: OH, TENTULAH BERBEZA. SEPANJANG YANG SAYA INGAT MALAH SEJAK TAHUN 1976 ATAU 1975 SEMASA SAYA BERTANDING UNTUK NAIB PRESIDEN, SAYA TIDAK PERLU BERKEMPEN LANGSUNG. SAYA TIDAK MENCETAK SEBARANG MANIFESTO, SAYA TIDAK HADIAH APA-APA KEPADA ORANG TETAPI SAYA MENANG. MALAHAN ORANG YANG MENENTANG SAYA ATAU BERTANDING UNTUK JAWATAN YANG SAMA, CUMA SEDIKIT SAJA BERKEMPEN, TAPI TIDAK BANYAK. TAPI SEKARANG KEDUDUKAN SUDAH JADI TIDAK MENASABAH. INI SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT YANG MALAHAN TUHAN TELAH DIGUNAKAN UNTUK MENDAPAT KEMENANGAN. SAYA KIRA INI SALAH.

SOALAN: DATUK, UMNO SEKARANG SUDAH MENJADI SEOLAH-OLAH MIC DI MANA MESYUARAT DIGANGGU OLEH PERGADUHAN, Baling-membaling kerusi dan malahan menggunakan pistol. Adakah cara untuk menghapuskan keadaan yang tak sihat ini?

--LAGI 0965/HM

MAHATHIR - TEMURAMAH 14 KUALA LUMPUR

PM: HANYA SATU CARA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SENDIRI MEMUTUSKANNYA, TIDAK SIAPA YANG BOLEH DISALAHKAN TETAPI KITA SENDIRI. KALAU KITA MAHU DEMIKIAN, ITULAH YANG KITA DAPAT. KALAU KITA TIDAK MAHU, KITA AKAN BERTINDAK MENGHALANGNYA DAN TIDAKLAH IA TERJADI. PERLU DIINGAT KITA DAPAT APA YANG KITA MAHU DAN JIKA UMNO MAHU SISTEM INI, TIDAK ADA SIAPA SAYA ATAU SESIAPAPUN DAPAT MENGHALANGNYA. SEPERTI ANDA KETAHUI KUASA TERTINGGI DALAM UMNO IALAH PERHIMPUNAN AGUNG DAN TERPULANGLAH KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG ATAU RAKYAT. KALAU MEREKA MAHU CARA BERKEMPEN YANG DEMIKIAN MEREKA AKAN MENDAPAT CARA BERKEMPEN YANG DEMIKIAN. SAYA TIDAK DAPAT MENGHALANG DAN TIADA SIAPAPUN YANG BOLEH. SEMUANYA PADA KEPUTUSAN MEREKA SENDIRI.

SOALAN: MUNGKINKAN ADA ROMBAKAN KABINET SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO INI?

PM: SAYA RASA TIDAK PERLU DISEBUT ITU SEKARANG. INI ADALAH PEMILIHAN UMNO DAN BUKAN PILIHANRAYA KERAJAAN.

SOALAN: TETAPI DATUK ADA CAKAP-CAKAP DENGAN YANG PEMIMPIN-PEMIMPIN GALAK BERTANDING DAN JIKA MEREKA TEWAS, MEREKA MUNGKIN HILANG KEDUDUKAN DALAM KABINET ATAU PARTI.

PM: UNTUK CUMA SEPEKULASI.

SOALAN: SOALAN AKHIR, APAKAH NASIHAT DATUK KEPADA PERWAKILAN UMNO KHUSUSNYA MENGENAI PEMILIHAN YANG AKAN DIJALANKAN PADA HARI PERTAMA?

--LAGI 0922/HM

ZCZC 0515
MAHATHIR-TEMURAHAN 13 KUALA LUMPUR

PM: YANG PENTING DARIPADA SEGALA-GALANYA IALAH FIKIRKAN TENTANG UMNO, MASA DEPAN ORANG MELAYU DAN NEGARA. JANGAN FIKIR SOAL SENDIRI. SOALAN: APAKAH INI BERERTI DATUK MAHU PARA PERWAKILAN MEMILIH MEREKA YANG BOLEH MENYUMBANG KEPADA NEGARA DAN UMNO?

PM: APA YANG SAYA KATAKAN IALAH MEREKA HENDAKLAH FAHAM APA YANG DIPERJUANGKAN. BUKAN INDIVIDU TETAPI UMNO. MEREKA HENDAKLAH BERFIKIR APA YANG BAIK BAGI UMNO.

SOALAN: DALAM PEMILIHAN UMNO YANG LALU, DATUK BERKATA YANG MENANG TIDAK BERERTI MEREKA MENGAUT SEMUA DAN YANG KALAH HILANG SEGALA.

PM: BEGITULAH KIRA-KIRANYA PENDAPAT SAYA. KITA TIDAK BOLEH BERLAGAK BILA KITA MENANG KITA TENDANG SEMUA ORANG. DAN TIDAK PULA MENYANGKA BAHAWA BILA KITA KALAH KITA HILANG SEMUA. SAYA MAHU SETIAP ORANG MENERIMA KEPUTUSAN DAN MERAPATKAN BARISAN. ITULAH APA YANG DIKEHENDAKI OLEH UMNO.--BERNAMA 0926/HM